1. Tokoh Antarabangsa

i. Sheikh Muhammad Sami Afendi

Sheikh Muhammad Sami Afendi dilahirkan pada 1838M dan wafat pada 1912M. Beliau mempelajari seni khat Thuluth daripada Boshnaq Usman Afandi, Rejai Afandi, Qabrasizada Ismail Haqqi Afandi manakala Khat Diwani daripada Naseh Afandi. Kemahiran beliau dalam khat dianggap sangat bermutu tinggi terutamanya dalam Khat Thuluth Jali sehingga beliau digelar sebagai Mustafa Raqim kedua. Kemahiran beliau seterusnya diwarisi kepada Sheikh Abdul Aziz Rifa'i, Umer Wasfi, Muhammad Amin Afandi, Ahmad Kamil Afendi, Khulusi Afandi, Nazeef Bey dan Najm-ud-Din Afandi. Sepanjang kariernya sebagai Khattat, beliau meraih beberapa anugerah antarabangsa ketika itu antaranya ialah Darjah Mutamayaz dalam di seni khat Turki, Tempat Pertama pertandingan Sinf-el-Awwal, Pertama dalam Rutba-e-Majeedi, anugerah Taghma-e-Iftikhar dan anugerah seni Kaligrafi Jang Yunan. Beliau dimakamkan di kawasan Jami' Al-Fateh, Istanbul, Turki.

Antara hasil karya beliau:



ii. Sheikh Abdul Aziz Affandi Al-Rifa'ie (1871-1934M)

Sheikh Abdul Aziz Affandi Al-Rifa'ie dilahirkan di Qasbah, Terabezon, Turki pada tahun 1871M (1288H). Ketika berusia lima tahun beliau telah berpindah bersama bapanya Abdul Hamid Afandi menuju ke Istanbul. Kecenderungannya terhadap seni khat jelas kelihatan ketika beliau masih lagi menuntut di sekolah kanak-kanak di kampungnya. Disebabkan kecenderungan ini, Sheikh Abdul Aziz Al-Rifa'ie telah diserahkan sendiri oleh ayahnya kepada penulis khat tersohor ketika itu bernama Baqqal Arif Afandi untuk mempelajari khat. Beliau mendalami Khat Thuluth dan Nasakh daripada Sheikh Baqqal manakala Khat Thuluth Jalli dan Ta'liq dipelajari daripada Sheikh Sami Affandi.

Pada tahun 1922M, beliau berhijrah ke Kaherah, Mesir di atas jemputan Raja Fuad I, iaitu Raja Mesir pada masa itu untuk menulis Mushaf baginya. Kemudian beliau terus menetap di Mesir dan menjadi tenaga pengajar seni khat di Institut Diraja Tahsin Al-Khutut Khalil Agha, Kaherah dan di sekolah Al-Syeikh Salih selama 11 tahun. Sepanjang tempoh itu beliau membantu mengasaskan dua buah sekolah yang bermatlamatkan mengindahkan khat-khat Arab. Beliau telah menjadi pengetua dan guru khat bagi kedua-dua sekolah itu. Sepanjang tempoh itu juga banyak buku-buku dan tulisannya dicetak serta masih lagi digunakan hingga kini. Di Mesir, seluruh penulisannya dikembangkan dalam segenap bentuk.

Setelah berada di Mesir sehingga dalam lingkungan umur 70an, beliau kembali ke negara asalnya di Turki dan seterusnya pada 1934M (1353H), beliau meninggal dunia dan

jenazahnya dikebumikan di Perkuburan Adranah Qabi, di Istanbul, Turki. Jasa Sheikh Abdul Aziz Al-Rifa'ie amat besar dalam pembangunan kesenian Islam. Beliau telah menulis sebanyak 12 mushaf, helaian-helaian kesenian khat, mencipta kertas Al-Ibro dan mencipta pelbagai motif seni hiasan. Seni penulisannya amat berpengaruh di Mesir dan namanya sentiasa dijulang dikalangan penulis-penulis khat Mesir.

iii. Sheikh Hamid Al-Amidi (1891-1982M)



Khattat Hamid Al-Amidi dilahirkan pada tahun 1309H (1891M) di salah sebuah kota lama di Tenggara Turki, dahulunya dikenali dengan nama Amid, sekarang Diyar Bakr. Nama asal Hamid Al-Amidi ialah Al-Syeikh Musa Azmi. Beliau mulai terpaut dengan seni khat sejak masih kecil lagi. Beliau mempelajari seni khat dan lukisan semasa menuntut di sekolah rendah dan menengah di bandar Amid dari khattat-khattat terkemuka di kampungnya. Kemudiannya beliau datang ke Istanbul 1324H (1908M) untuk menyambung pelajaran di Sekolah Undang-undang dan seterusnya di Sekolah Seni-seni Bernilai.

Kematian bapanya Zul Faqar Agha memaksa beliau mencari sumber rezekinya sendiri. Dengan itu beliau mula bertugas sebagai seorang guru khat dan lukisan di salah sebuah sekolah dan sebagai ahli khat di beberapa tempat berkaitan percetakan. Beliau mulai mempelajari Khat Thuluth dan Nasakh melalui Nazif Bek, namun kematian gurunya semasa awal pembelajarannya telah menghalang beliau daripada melanjutkan pengajiannya dalam pelajaran ini.

Beliau menghabiskan sebahagian besar daripada usianya dengan berkecimpung dalam seni khat serta pernah bertemu dengan ahli-ahli khat Istanbul yang masyhur seperti Kamil Afandi,

Haqqi Bek, Kholusi Afandi dan lain-lain lagi. Dengan berbincang bersama-sama mereka beliau memperkembangkan tahap khatnya bukan sahaja dengan cara belajar daripada mereka tetapi dengan cara berbincang dan berdialog sehinggalah beliau dapat meningkatkan dirinya sebagai salah seorang guru khat di Istanbul yang pada masa itu merupakan tempat saingan ahli-ahli khat untuk menonjolkan kemahiran mereka.

Allahyarham Hamid Al-Amidi mempunyai kebolehan menulis di dalam berbagai-bagai gaya bentuk khat yang dikenali. Beliau sangat tertarik dan mengilhami karya-karya khattat-khattat yang terkenal seperti Raqim dan Sami. Beliau terkenal dengan gaya-gaya tulisan Khat Thuluth, Nasakh dan Ta'liq. Selama 75 tahun berkecimpung di dunia seni khat, tahun-tahun cemerlang baginya ialah di antara tahun 1338-1385H/1920-1965M. Beliau telah menulis dua buah naskhah kitab suci Al-Quran. Banyak kubah-kubah dan dinding-dinding masjid dihiasi dengan ayat-ayat suci Al-Quran, umpamanya Masjid Abu Ayyub Al-Ansari. Hamid Al-Amidi meninggal dunia pada 24 Rejab 1402H (18 Mei 1982) dan dikebumikan di perkuburan Qarrah Jah Ahmad, Uskundar, Turki berhampiran dengan makam Sheikh Hamdullah, tokoh seni khat zaman Kerajaan Uthmaniah.

iv. Sheikh Muhammad Badawi Derani (1894-1967)

Sheikh Muhammad Badawi Derani dilahirkan pada 1894M di Damsyik, Syria serta wafat pada 1967M. Beliau mempelajari seni khat daripada Sheikh Hamid Al-Amidi and Yusouf Rasa di Turkey manakala di Syria beliau berguru dengan Mamdouh al Shareef dan Moustafa al Sibaei. Tulisannya banyak dipengaruhi oleh Mustafa Raqam, Azizuddin Rafaey, Hamid Al-Amidi dan Hashim Baghdadi. Beliau merupakan tokoh tersohor seni khat di Syria pada zamannya dan antara muridnya ialah Sheikh Uthman Taha yang terkenal sebagai penulis Mushaf Madinah yang dipakai sehingga ke hari ini. Kini, Syria merupakan antara negara yang banyak melahirkan Khuttat yang memenangi pertandingan khat antarabangsa.

Beliau mengasaskan sekolah seni Khat Nastaliq di Damsyik, Syria yang kini terkenal sebagai Institut Nastaalque Badawi Derani yang banyak melahirkan khattat Syria. Beliau amat mahir dalam semua jenis khat termasuk Farisi, Thuluth, Kufi, Riqaah, Diwani, Diwani Jali dan Nasakh. Beliau banyak menulis di dinding masjid sekitar Damsyik, tulisan sijil dan memo kerajaan, Masjid Nabawi di Madinah, istana dan bangunan kerajaan di Saudi Arabia. Karya beliau dikumpul oleh anaknya melebihi 1500 karya yang telah dicetak semula dan diedarkan di Syria, Switzerland dan Amerika.

Antara hasil karya beliau:





v. Sheikh Sayyid Ibrahim (1897-1994M)

Dilahirkan di Seksyen Qal'ah, Kaherah pada bulan Ogos 1897M. Memperolehi ijazah pertama dari Universiti Al-Azhar seterusnya Ijazah Sarjana dalam bidang sastera di Universiti Al-Ahliah Al-Masriyah. Beliau meminati seni khat sejak kecil dan mempelajari seni khat dari Syeikh Abdullah Bek Al-Zahdi dari Turki dan Syeikh Muhammad Bek Jaabar.

Berdasarkan kepakaran dan kemahiran yang dimiliki oleh Sayyid Ibrahim, beliau telah diamanahkan untuk mengajar seni khat di Universiti Kaherah dan Institut Tahsin Al-Khutut, Kaherah. Sayyid Ibrahim amat terkenal sebagai penulis khat sekitar awal kurun ke-21. Beliau telah banyak menghasilkan tulisan-tulisan di dalam buku, majalah dan bangunan-bangunan berseni.

Beliau pernah bekerjasama dengan penulis Turki terkenal Ahmad Kamil di dalam penulisan di Istana Gabenor Muhammad Ali di Maniel, Turki dan Masjid Bangalore di India. Beliau meninggal dunia pada bulan Januari 1994 di Kaherah, Mesir.

Antara hasil karya beliau:

Sheikh Hashim Muhammad Al-Baghdadi (1917-1973M)

Nama penuh beliau ialah Abu Raqim Hashim bin Muhammad Al-Haj Darbas Al-Qisi Al-Baghdadi. Beliau dilahirkan di perkampungan yang sangat dikenali dengan nama Khan Lund di Baghdad pada tahun 1335H (1917M). Sejak kecil beliau telah cenderung kepada seni khat. Beliau mempelajari khat melalui Al-Marhum Al-Mala ‘Arif Al-Syeikhily dalam tempoh yang singkat. Kemudian bertukar kepada Al-Marhum Al-Haj ‘Ali Sabir dalam tempoh yang paling singkat juga. Akhirnya beliau mengulangkaji pelajaran khat melalui Al-Syeikh Al-Mala ‘Ali Al-Fadli. Beliau mula menulis dan melakukan latihan di sisi Al-Mala sementara Al-Mala membetulkan kesilapan dan memberikan dorongan kepadanya sehingga beliau diberikan ijazah pada tahun 1363H (1943M).

Kemudian beliau menyambung pelajaran di Maktab Pengindahan Khat, Kaherah. Apabila beliau menunjukkan kepada mereka ijazahnya dan contoh-contoh khatnya, guru-guru dan para penyelia di Maktab tersebut merasa kagum dengannya. Dengan itu pentadbiran Maktab mengambil keputusan untuk membenarkan beliau menyertai peperiksaan akhir di mana dalam peperiksaan ini Al-Baghdadi berjaya memperolehi ijazah pangkat pertama dengan cemerlang. Beliau diberikan ijazah oleh ahli khat Mesir yang terkenal iaitu Sayyid Ibrahim dan Muhammad Husni pada tahun 1944.

Pada tahun 1946, beliau menerbitkan buku Al-Riq’ah. Beliau telah melawat Turki dan menunjukkan hasil kerjanya kepada khattat Turki yang terkenal iaitu Musa Azmi, dikenali sebagai Hamid Al-Amidi. Beliau berjaya memperoleh ijazahnya sebanyak dua kali, salah satunya pada tahun 1950, manakala yang satu lagi pada tahun 1952. Pada 1952 Al-Amidi mengisytiharkan Hashim sebagai seorang penulis khat terbaik di dunia Islam.

Hashim menggabungkan gaya khattat Baghdad klasik, Yaqut Al-Musta’asimi dengan gaya moden Sekolah Uthmani. Beliau juga terkenal sebagai seorang penulis Khat Thuluth. Beliau menyelia kerja-

kerja percetakan Al-Quran yang ditulis oleh khattat Turki iaitu Muhammad Amin Al-Rushdi. Beliau menyedari ada beberapa kesilapan pada muka surat, juzuk dan surah. Al-Quran ini diterbitkan buat pertama kali di Baghdad pada tahun 1951. Kemudian diterbitkan semula pada tahun 1966 dan Edisi Ke-3 pada 1972 di Jerman.

Pada tahun 1960 beliau menjadi pensyarah Seni Khat Arab di Institut Seni Baghdad. Kemudian menjadi Ketua Jabatan Seni Khat dan Hiasan Islam sehinggalah beliau meninggal dunia pada tahun 1393H (1973M) di Baghdad dan di kebumikan di perkuburan Al-Khaizuran. Semenjak tahun 1961, beliau telah menerbitkan koleksi khat peribadinya yang terbaik dengan tajuk 'Method Seni Khat Arab'.

Hasil kaligrafinya dapat dilihat di masjid-masjid di Iraq termasuklah Masjid Shahid, Masjid Sheikh Abdul Qadir Al-Jailani, Masjid Haidir Khanna, Masjid Al-Muradia dan Masjid Bunia. Beliau juga mereka bentuk mata wang Iraq, duit syiling Tunisia, Morocco, Libya dan Sudan. Beliau menganugerahkan Diploma kepada pelajarnya Abdul Ghani Al-Ani. Hashim Al-Baghdadi bercadang untuk menulis Al-Quran mengikut gayanya namun beliau tidak sempat menghabiskannya. Koleksi himpunannya yang terkini diterbitkan semula di Baghdad pada 1978.

Gambar di atas: Barisan tokoh-tokoh khat Institut Diraja Tahsin Al-Khutut, Kaherah, Mesir. Gambar dirakam pada tahun 1946M.
Berdiri dari kiri ialah Izzuddin Husni, Hashim Muhammad Baghdadi, Abul Ainain manakala duduk dari kiri ialah Muhammad Husni, Sheikh Abdul Rahman, Najib Huwawaini dan Sayyid Ibrahim.

2. Tokoh Tempatan

Kedatangan Islam ke Nusantara sejak abad ke-7, telah membuka jalan kepada pengenalan sistem tulisan dan bahasa baru (Arab). Sehingga abad ke-16, secara perlahan-lahan tulisan dan bahasa baru ini telah mempengaruhi tulisan di Tanah Melayu yang membentuk Bahasa Melayu dengan menggunakan huruf jawi. Di kalangan orang Melayu, tulisan khat lebih dikenali sebagai tulisan jawi.

Khat tulisan Melayu huruf Arab telah masuk ke negeri Melayu pada zaman Khalifah Saidina ‘Uthman bin ‘Affan r.a. seiring dengan kemasukan agama Islam dari negeri China ke negeri-negeri Melayu. Seni khat tulisan bermula di istana Raja-raja Melayu yang dapat dilihat melalui peninggalan bahan-bahan artifak yang masih kekal hingga ke hari ini seperti makam Raja-raja Negeri Melayu.

Penemuan Batu Bersurat Terengganu (1303M) membuktikan tulisan khat di Tanah Melayu telah mula bertapak sejak lama dahulu. Kemudiannya seni khat ini terus tersebar serta digunakan dengan meluas melalui institusi-institusi pengajian Islam seperti sekolah-sekolah pondok, sekolah-sekolah Arab serta melalui penyalinan kitab-kitab berbahasa Arab dan Melayu oleh penulis-penulis seni khat yang mahir. Pengetahuan dalam seni khat ini diperolehi daripada guru-guru agama di tanah suci Mekah atau daripada tokoh-tokoh agama tempatan yang memperjuangkan ajaran Islam.

Pembelajaran seni khat telah mencapai tahap kesempurnaan bermula dengan pengajarannya secara formal sebagai satu mata pelajaran wajib di sekolah-sekolah Arab. Kaedah-kaedah tradisi telah diguna pakai termasuklah pendekatan seni meniru melalui hasil karya seni khat daripada penulis-penulis khat yang masyhur di luar negara. Lama kelamaan penulis-penulis seni khat tempatan mula muncul untuk mencipta hasil karya seni khat dalam pelbagai media dengan baik setanding dengan penulis-penulis khat antarabangsa.

i. Syed Abdul Rahman Al-Attas (1898-1980)

Ustaz Syed Abdul Rahman bin Syed Hassan Al-Attas Al-Azhari telah dilahirkan pada 1898 di Johor Bahru, hartawan yang terkenal di Johor Bahru, yang meninggalkan namanya pada tempat yang dinamakan Wadi Hassan. Pada tahun 1910 hingga 1914, Syed Abdul Rahman telah dihantar oleh bapanya untuk belajar seni khat di Madrasah Tahsin Al-Khuttut (Sekolah Seni Tulis) di Kaherah, Mesir. Madrasah ini ialah pusat seni tulis yang terkemuka, yang diketuai oleh Syed Ibrahim yang terkenal sebagai seorang khattat yang ulung. Setelah pulang ke tanah air, sekali lagi beliau pergi ke Mesir untuk melanjutkan pelajaran seni khat di Al-Azhar, Kaherah.

Syed Abdul Rahman terkenal dengan Khat Thuluth. Dalam tahun-tahun 70-an, beliau telah menghasilkan karya-karya seni yang indah dengan cara tampalan. Antara karya-karya beliau dapat dilihat di bangunan Makam Sultan Zainal Abidin, Kuala Terengganu, pada Masjid Jamek Bandar Sri Begawan Brunei, dalam himpunan D.Y.M.M. Sultan Johor, Bangunan Parlimen Malaysia, himpunan Muzium Seni Asia Universiti Malaya, Universiti Kebangsaan Malaysia dan himpunan-himpunan persendirian.

Beliau juga telah menerbitkan ‘Buku Yang Pertama Tulisan Cantik’ dihimpun dari tiga jenis tulisan khat, Thuluth, Nasakh dan Riqaah yang disusun oleh beliau sendiri. Pada tahun 1976 dan 1977 beliau telah mengajar seni khat di Madrasah Al-Attas Johor Bahru. Syed Abdul Rahman meninggal dunia pada 1980 ketika berusia 82 tahun.

ii. Omar Bassaree (1918-1987)

Omar Bassaree ialah seorang khattat terkemuka yang inovatif. Dilahirkan pada tahun 1918. Datuk beliau iaitu Sheikh Mahadi bin Ahmad Al-Bassree berasal dari Basrah di Selatan Iraq dan menetap di Pulau Pinang sebagai peniaga berlian. Bapa Omar Bassaree bekerja sebagai kerani di Mercantile Bank di Pulau Pinang dan kemudiannya bertukar ke Kota Bharu, Kelantan. Omar Bassaree mendapat pendidikan di Sekolah Arab Al-Attas di Johor Bharu (1928-1934). Beliau telah diajar asas dan hukum-hukum seni khat oleh Encik Abdul Ghaffar Mohd Noor, yang telah menuntut daripada Syed Abdul Rahman Al-Attas. Beliau telah meningkatkan minatnya dalam tulisan Nasakh dan Thuluth. Sebelum melibatkan diri secara aktif dalam seni khat, beliau pernah berniaga kain dan menjadi pemberita bebas di Pulau Pinang dan Kuala Lumpur dan menjadi ketua jurukamera di Dewan Bahasa dan Pustaka.

Pada tahun 1970, Omar Bassaree mula bergiat aktif dalam menghasilkan khat di atas kepingan kaca. Khat yang paling digemari oleh beliau ialah nasakh, walau pun ia merupakan khat yang paling tegas dan yang jarang digunakan serta memerlukan disiplin yang tinggi. Karya-karya beliau dengan Khat Diwani sering digunakan dengan bentuk yang melengkung. Beliau juga menggunakan Khat Kufi, Thuluth dan bentuk moden. Beliau suka meneroka bidang yang baru untuk meningkatkan semangatnya sebagai pelukis yang kreatif.

Omar Bassaree telah mendapat tempahan untuk mengadakan tulisan khat ayat-ayat Al-Quran untuk bahagian dalam kubah Masjid Negara, tulisan jawi untuk bangunan Standard Chartered Bank di Jalan Ampang dan Hotel Malaysia di Bukit Bintang, logo untuk Universiti Pertanian Malaysia Serdang dan Tunas Sejati, sebuah syarikat perkapalan di Pulau Pinang.

Pameran hasil karya beliau telah diadakan di Muzium Negara (1979), Universiti Malaya (1975), Institut Teknologi Mara (1977) dan Universiti Kebangsaan Malaysia (1978). Beberapa karya beliau dihimpun oleh penghimpun perseorangan dan Muzium Seni Asia, Universiti Malaya. Beliau telah mengajar seni khat di Institut Teknologi Mara. Beliau meninggal dunia pada tahun 1987.

E. SENI ZUKHRUF (HIASAN)

Seni zukhruf atau seni hiasan adalah unsur penting yang melengkapkan susunan khat menjadikan ia satu hadil seni yang cantik. Para penggiat seni Islam menganggap seni ini sama penting dengan bentuk khat yang lain di mana ia berkembang selari dengan perkembangan seni khat itu sendiri.

Penggunaan seni zukhruf pada akhirnya berkembang sebagai satu bentuk hiasan di kulit-kulit Al-Quran, buku-buku, majalah dan sebagainya. Pendirian dan pegangan Ibnu Abbas r.a. telah menjadi prinsip yang kuat dikalangan penggiat seni Islam iaitu tidak melukis benda-benda yang bernyawa. Sebaliknya memberi tumpuan kepada seni bermotifkan tumbuhan dan geometri.

Secara amnya seni zukhruf dapat dibahagikan kepada empat bahagian:

1. Motif Geometri

Seni zukhruf berbentuk geometri lazimnya digunakan sebagai bingkai bagi sesuatu arca atau tulisan. Ia juga digunakan sebagai ragam hias Khat Kufi yang diubahsuai bagi memenuhi ruangan yang kosong. Oleh kerana khat ini tidak berbaris, motif ini akhirnya akan membantu menghasilkan hasil karya yang menarik.







2. Motif Tumbuhan

Seni zukhruf bermotifkan tumbuhan alam semulajadi pada kebiasaanya digunakan bagi mengindahkan lagi ruangan dan sebagai bingkai setiap ayat atau karya yang dihasilkan. Motif tumbuhan ini berbeza mengikut keadaan tumbuhan sesebuah negara. Di Malaysia seni hiasan yang bermotifkan tumbuhan lebih tertumpu kepada tumbuhan menjalar dan berbunga seperti pokok kekacang, kangkung, ketam guri dan seumpamanya. Hiasan ini kerap digunakan dalam seni ukiran Melayu sebagai hiasan panel pintu, mimbar dan di dinding masjid.



3. Motif Abstrak

Seni zukhruf berbentuk abstrak selalunya digunakan sebagai hiasan latarbelakang sesuatu karya bukanlah sebagai bingkai. Abstrak yang dimaksudkan ialah mengolah motif tumbuhan dengan rekaan untuk menyerlahkan unsur tumbuh-tumbuhan pada motif asal tersebut. Pengolahan ini juga boleh dilakukan pada motif-motif yang lain. Kebanyakan orang Iran amat mahir dalam teknik penghasilan motif abstrak melalui abstrak tumbuh-tumbuhan. Ia dilukis mengikut citarasa pelukis berdasarkan motif yang akan dikemukakan.